

# Ekonomi makin mantap

UM-30/3/2007

Oleh FAUZI JAAFAR  
dan SAIFULIZAM MOHAMAD

**KUALA LUMPUR** 29 Mac – Kerajaan akan meneruskan kembali projek-projek berimpak tinggi berikutan keadaan ekonomi negara yang semakin mantap, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan kini berada dalam keadaan yang selesa untuk membelanjakan peruntukan setelah defisit negara dapat dikurangkan.

Selain itu, beliau berpendapat sudah tiba masanya untuk kerajaan menggerakkan ekonomi negara serta memberi keselesaan kepada rakyat.

“Kita telah mengambil keputusan bahawa projek-projek dikatakan berimpak tinggi dan projek-projek yang dijadual untuk dilaksanakan dalam tempoh RMK-9 (Rancangan Malaysia Kesembilan) hendaklah dilaksanakan.

“Sebab itu, kita telah membuat keputusan berhubung dengan projek landasan kereta api berkembar dan Lebuh Raya Pantai Barat (LPB),” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada kedudukan kewangan kerajaan berada dalam keadaan selesa atau sebaliknya untuk melaksanakan beberapa projek berimpak tinggi.

Semalam, Najib mengumumkan persetujuan Kabinet untuk meneruskan projek pembinaan LPB bernilai RM3 bilion menghubungkan Taiping di Perak dan Banting di Selangor.

Pada pertengahan November tahun lalu, kerajaan merancang untuk membina lebuh raya itu melibatkan pembinaan laluan sejauh 215.8 kilometer.

Bagaimanapun, pada akhir bulan yang sama projek tersebut tidak dapat dilaksanakan selepas ditolak oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Menurut Najib, pelaksanaan projek seperti LPB telah dikaji dengan begitu mendalam selama beberapa tahun setelah ia ditangguhkan.

## Ekonomi makin mantap

“Kita tangguhkan lebih awal projek-projek berimpak tinggi untuk mengkajinya dan membolehkan proses memantapkan kedudukan fiskal kewangan kerajaan dari segi nisbah penjelasan hutang,” jelasnya.

Tambah beliau, kerajaan pada masa ini mahu memantapkan lagi defisit daripada 5.6 peratus sebelum ini kepada lebih kurang 3.5 peratus pada masa ini.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, lagipun projek-projek berimpak tinggi dilaksanakan melalui dana swasta menerusi projek penswastaaan yang tidak memerlukan peruntukan kerajaan.

Terdahulu, beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO memaklumkan usaha-usaha memantapkan ekonomi negara perlu diperhebatkan supaya usaha pembangunan dan pembinaan hidup rakyat dapat diteruskan.

Katanya, segala program pembaharuan seperti sistem penyampaian perlu terus diperjuangkan kerana kesannya telah mula dapat dirasakan pada masa ini.

### Sistem

“Pada 13 April ini insya-Allah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengumumkan satu sistem pembangunan tanah.

“Sistem itu yang memperlihatkan perubahan paradigma yang besar sekiranya berjalan dengan baik akan memberi lonjakan besar kepada sistem penyampaian,” katanya.

Menurut Najib, keadaan dalam negara kini semakin baik dan segala yang dilakukan oleh kerajaan telah mendapat respons yang baik daripada rakyat.

“Apa yang dilakukan kerajaan sama ada dari segi pembangunan, dari segi usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat, kualiti hidup, rasa keyakinan tentang masa depan, sokongan kepada pucuk pimpinan telah nampak semakin baik dan kukuh,” jelasnya.

Najib juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Abdullah kerana membenarkan beliau mempengerusikan mesyuarat MT hari ini.

Abdullah berada di Riyadh, Arab Saudi menghadiri Sidang Kemuncak Liga Arab Ke-19 dan berlepas pulang malam ini.